

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' RASOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN NO. 369

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pendaratan ikan dan pengeluaran tangkapan hasil perikanan di Terengganu dari tahun 2005 hingga 2019 di Pelabuhan Chendering, Pulau Kambing dan Kuala Besut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah pendaratan ikan yang diisytiharkan dan nilai hasil tangkapan perikanan di Terengganu dari tahun 2005 hingga 2019 bagi Pelabuhan Chendering, Pulau Kambing dan Kuala Besut adalah seperti berikut:

| PENDARATAN IKAN (‘000 TAN METRIK) | | | | |
|--|---------------------------------|--------------------------|------------------------|---------------|
| TAHUN | PELABUHAN / KOMPLEKS | | | |
| | PELABUHAN CHENDERING | PULAU KAMBING | KUALA BESUT | JUMLAH |
| 2005 | 10.3 | 11.6 | 5.5 | 27.4 |
| 2006 | 7.3 | 9.7 | 4.9 | 21.9 |
| 2007 | 8.9 | 4.7 | 5.4 | 19.0 |
| 2008 | 10.0 | 6.3 | 12.9 | 29.2 |
| 2009 | 9.1 | 6.6 | 7.0 | 22.6 |
| 2010 | 8.7 | 7.9 | 3.8 | 20.4 |
| 2011 | 7.4 | 4.6 | 5.3 | 17.3 |
| 2012 | 8.9 | 5.6 | 5.1 | 19.6 |
| 2013 | 7.0 | 9.3 | 8.5 | 24.7 |
| 2014 | 7.7 | 10.7 | 10.3 | 28.7 |
| 2015 | 7.6 | 6.5 | 7.4 | 21.5 |
| 2016 | 4.8 | 4.9 | 5.9 | 15.7 |
| 2017 | 2.2 | 5.6 | 6.0 | 13.8 |
| 2018 | 2.7 | 5.9 | 5.2 | 13.8 |
| 2019* | 0.3 | 1.6 | 1.3 | 3.2 |
| | 102.6 | 101.6 | 94.4 | 298.7 |

* sehingga bulan Mac 2019

| NILAI HASIL TANGKAPAN PERIKANAN (RM JUTA) | | | | |
|--|---------------------------------|--------------------------|------------------------|---------------|
| TAHUN | PELABUHAN / KOMPLEKS | | | |
| | PELABUHAN CHENDERING | PULAU KAMBING | KUALA BESUT | JUMLAH |
| 2005 | 31.6 | 35.3 | 12.1 | 79.0 |
| 2006 | 21.5 | 31.3 | 13.8 | 66.6 |
| 2007 | 19.3 | 20.9 | 16.7 | 57.0 |
| 2008 | 25.8 | 27.8 | 20.2 | 73.8 |
| 2009 | 23.7 | 29.0 | 18.3 | 71.0 |
| 2010 | 24.0 | 35.0 | 11.5 | 70.6 |
| 2011 | 22.7 | 22.4 | 15.9 | 61.0 |
| 2012 | 31.3 | 17.0 | 19.4 | 67.8 |
| 2013 | 26.9 | 32.4 | 30.2 | 89.5 |
| 2014 | 29.9 | 35.6 | 34.1 | 99.7 |
| 2015 | 18.1 | 26.6 | 21.1 | 65.8 |
| 2016 | 11.0 | 19.7 | 16.9 | 47.5 |
| 2017 | 7.1 | 27.4 | 20.6 | 55.1 |
| 2018 | 8.2 | 30.7 | 19.3 | 58.1 |
| 2019 | 1.1 | 8.1 | 5.1 | 14.3 |
| | 302.3 | 399.2 | 275.3 | 976.8 |

* sehingga bulan Mac 2019

2. Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati bahawa purata pendaratan ikan di ketiga-tiga pelabuhan dan kompleks yang terlibat adalah hampir sama; iaitu dalam lingkungan 6,000 tan metrik setahun. Bagi tempoh 3 tahun kebelakang (2016 hingga 2018), pendaratan ikan di Pelabuhan Chendering semakin menurun disebabkan kecetakan air di pelabuhan tersebut yang menyebabkan bot-bot tidak dapat mendaratkan hasil tangkapan. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bersama Kerajaan Negeri Terengganu telah bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja mendalamkan muara di Pelabuhan Chendering bagi merancakkan semula aktiviti pendaratan ikan di pelabuhan berkenaan.

Sekian, terima kasih.